

11/05/2000

Pelajar tuntutan Mara tepati janji

Mohd Fuad Razali

HARAPAN 34 pelajar tajaan Mara yang menuntut di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara tahun ini, mungkin tidak kesampaian.

Menurut Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, beliau dimaklum bahawa tarikh tutup untuk pelajar terbabit mengemukakan permohonan ialah esok.

Bagaimanapun, katanya, menurut pelajar terbabit mereka tidak dibenarkan membuat permohonan itu oleh IMU kerana Mara dikatakan tidak mengeluarkan sebarang arahan bertulis membenarkan mereka berbuat demikian.

Ini kerana sebelum ini Mara dikatakan sudah memutuskan pelajar yang pada asalnya dijanjikan untuk dihantar ke luar negara itu, supaya meneruskan pengajian mereka sehingga tamat di universiti berkenaan.

"Kita minta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Tan Sri Aziz campur tangan menyelesaikan isu ini.

"Kita percaya Datuk Nazri tidak diberi gambaran sebenar mengenai kedudukan kewangan Mara menyebabkan beliau bersetuju pelajar terbabit menamatkan pengajian mereka di IMU sahaja.

"Saya sudah menemui pegawai khas dan Setiausaha Politik Menteri Pembangunan Usahawan, Selasa lalu. Saya dimaklumkan peruntukan untuk tujuan itu memang ada. Pada awalnya Nazri sendiri bersetuju supaya pelajar terbabit dihantar ke luar negara.

"Bagaimanapun saya difahamkan ada pegawai kanan Mara memaklumkan kepada Nazri kononnya agensi itu tidak mempunyai wang untuk berbuat demikian, sebaliknya meminta mereka meneruskan pengajian sehingga tamat di IMU," katanya kepada pemberita, semalam.

Beliau berkata demikian di sidang akhbar mengenai isu 34 pelajar IMU tajaan Mara yang merayu agensi itu menunaikan janjinya untuk menghantar mereka meneruskan pengajian pada peringkat klinikal di luar negara.

Pelajar terbabit yang merupakan lepasan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dipilih mengikuti program perubatan di IMU oleh Mara menerusi program khas bagi tujuan menyediakan ahli profesional Melayu dalam bidang perubatan pada 1997/98.

Pada sesi 1997/98 mereka mengikuti program matrikulasi di Kolej Taylor's dan Kolej Antarabangsa Pulau Pinang.

Selepas itu meneruskan pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang perubatan di IMU pada sesi 1998/99.

Menurut Suhaimi, pada mulanya Mara berjanji akan menghantar pelajar terbabit ke seberang laut selepas selesai dua setengah tahun pengajian di IMU untuk meneruskan pengajian pada peringkat klinikal selama dua setengah tahun lagi.

Bagaimanapun atas alasan kegawatan ekonomi, katanya, Mara membuat keputusan supaya pelajar terbabit meneruskan pengajian di Sekolah Klinikal IMU yang baru saja ditubuhkan di Seremban.

"Masalahnya saya dimaklumkan sekolah itu masih belum mempunyai kemudahan mencukupi untuk pelajar membuat latihan klinikal.

"Misalnya, kemudahan rujukan dan bahan yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pembelajaran belum mencukupi.

"Saya difahamkan, ketika ini sudah ada 46 pelajar di sekolah itu tetapi perpustakaan yang ada hanya boleh memuatkan 50 pelajar. Bagaimana bila ditambah 34 pelajar lagi," katanya.

Beliau juga ragu-ragu dengan alasan Mara tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk menghantar pelajar terbabit kerana Nazri baru-baru ini mengumumkan akan menambah kouta menaja pelajar Bumiputera yang akan dihantar ke luar negara bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan dan perubatan.

"Sepatutnya pelajar ini tidak diberi keutamaan dan dihantar ke luar negara seperti yang dijanjikan kerana mereka sudah selesai pengajian dua setengah tahun pertama," katanya.

Menurutnya, keputusan meminta pelajar terbabit meneruskan pengajian di IMU bukanlah langkah bijak kerana tidak menggambarkan hasrat Mara membantu pelajar terbabit, sebaliknya seolah-olah lebih cenderung untuk membantu IMU.

"Saya dimaklumkan Mara pernah berkata kepada kumpulan pelajar ini jika mereka dihantar ke luar negara, siapa yang akan mengisi tempat mereka. Ini tidak betul. Lebih-lebih lagi IMU bukan kolej milik Bumiputera.

"Wang peruntukan untuk pelajar tidak sepatutnya digunakan untuk menguntungkan pihak lain," katanya.

Sehubungan itu beliau mendesak Nazri dan Mara mengkaji semula keputusan berkenaan dan memenuhi janji mereka kepada pelajar terbabit.

Selain itu, katanya, sehingga kini ijazah yang ditawarkan oleh IMU masih belum menerima perakuan akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

"Jika demikian, bagaimana pelajar ini hendak keluar bekerja kelak.

"Siapa yang akan menerima mereka jika ijazah perubatan mereka tidak diiktiraf.

"Kita berharap Mara tidak berdolak-dalik lagi dalam hal sebegini. Sepatutnya Mara menyatakan dengan jelas dari awal jika mahu buat program ini dijalankan sepenuhnya dalam negara, bukan berjanji dan tidak menepatinya.

"Sebenarnya jika dimaklumkan lebih awal, pelajar terbabit tidak menerima tawaran berkenaan.

"Malah saya dimaklumkan ada di kalangan mereka yang menerima tawaran daripada agensi lain selepas keputusan SPM diumumkan kerana mereka pelajar cemerlang," katanya.

(END)